

# MRT kurangkan 160,000 kenderaan di jalan raya

**KUALA LUMPUR** – Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd., (MRT Corp) menjangkakan pengurangan kira-kira 160,000 buah kereta di jalan raya di Lembah Klang apabila perkhidmatan MRT Sungai Buloh-Kajang (SBK) beroperasi sepenuhnya Julai depan.

Pengarah Komunikasi Strategik dan Perhubungan Stakeholder, Datuk Najmuddin Abdullah berkata, beliau optimis dengan pengurangan kenderaan memasuki bandar raya memandangkan perkhidmatan itu dijangka mengangkut 400,000 penumpang setiap hari.

Kata Najmuddin, kebanyakan stesen

dibina di lokasi strategik di kawasan perumahan padat demi memenuhi keperluan orang ramai untuk berulang-alik ke bandar raya.

Kawasan itu termasuk Damansara, Kota Damansara, Mutiara Damansara, Bandar Utama, Taman Tun Dr. Ismail, Phileo Damansara, Semantan, Bukit Dukung, Batu Sebelas Cheras, Bandar Tun Hussein Onn, dan Taman Suntex.

Sebelum ini, kawasan-kawasan itu tidak pernah mendapat perkhidmatan tren bandar.

Bagi kemudahan parkir pula, terdapat sejumlah 14 tempat letak kereta bertingkat

dan terbuka mengandungi 8,000 petak di stesen-stesen sepanjang 51 kilometer (km) laluan SBK.

“Ini memberi impak signifikan dalam mengurangkan kesesakan trafik hari ini, di samping penumpang berpendapatan rendah dan pertengahan akan mendapat manfaat besar dari perkhidmatan ini.

“Ini kerana mereka boleh mengelakkan belanja apabila menggunakan kereta, kenaikan harga minyak, kadar tol, bayaran parkir yang tinggi di pusat bandar dan pelbagai lagi,” kata beliau.

Jelas Najmuddin, tambang perkhidmatan MRT SBK adalah dalam kemampuan

setiap orang antara RM1 hingga RM6.40 berdasarkan jarak perjalanan.

Dalam pada itu, kajian yang dikeluarkan oleh Fakulti Kejuruteraan Universiti Malaya pada 2014 menyatakan, Lembah Klang mempunyai 3.2 juta kereta persendirian dan ia meningkat dengan purata 30,000 kereta sebulan.

“Jumlah kereta persendirian dijangka mencecah tujuh juta pada tahun 2020.

“Pengangkutan tren tidak akan membantu jika rakyat tidak membuat peralihan daripada memandu kereta persendirian kepada menaiki pengangkutan awam,” menurut laporan kajian itu. – Bernama

## Apa kata mereka

“ Saya tidak sabar untuk mencuba sendiri perkhidmatan ini. MRT merupakan satu petunjuk jelas bahawa negara kita sedang menuju ke arah sebuah negara maju

**MUHAMMAD IRFAN NOR,**  
Kakitangan Awam



“ Saya berharap kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur dapat dikurangkan. Saya yakin langkah kerajaan memperkenalkan pengangkutan awam ini sangat wajar

**MUHD. BAIHAQI AHMAD,**  
Pekerja Swasta



“ MRT merupakan pengangkutan awam yang lebih canggih dan selesa untuk kegunaan pengguna selain mempercepatkan pergerakan kita ke mana-mana

**KHAIRUL ZAMAN,**  
Kakitangan Awam

